

## Sumbangan industri français bertambah kepada RM35 bilion

KUALA LUMPUR - Persatuan Français Malaysia (MFA) menyasarkan sumbangan industri français kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak RM35 bilion menjelang tahun hadapan berbanding RM32 bilion tahun lepas.

Pengerusinya, Datuk Radzali Hassan berkata, sasaran KDNK tersebut dijangka berjaya dicapai menerusi peningkatan pelbagai produk eksport ke pasaran luar negara.

"Kami (MFA) mempunyai



RADZALI

lebih kurang 66 produk yang telah dibawa ke luar negara setakat hari ini (semalam).

"Kalau melihat kepada jumlah anggota MFA itu sendiri tidaklah begitu ramai tetapi dari segi pencapaian perkembangan perniagaan mereka, adalah sangat membangangkan di mana kita mempunyai kira-kira 4,200 kedai di luar negara.

"Justeru itu, MFA ingin menggalakkan lebih banyak français tempatan menyertai persatuan ini bagi menggalakkan persaingan

yang sihat dalam usaha meningkatkan tahap kemajuan perniagaan dan sektor français yang lebih berkualiti," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada majlis pelancaran Malam Anugerah Français Malaysia di sini semalam.

Malam Anugerah Français itu akan berlangsung pada 4 Oktober depan bagi memberi pengiktirafan kepada para usahawan français yang telah menunjukkan prestasi cemerlang serta memberi sumbangan kepada pertumbuhan industri français negara. — Bernama